



**PELUANG KERJAYA BERSAMA  
MARA**

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), memerlukan warga kerja yang berilmu, berkeyakinan, berintegriti, memiliki kemahiran interpersonal, kreatif & inovatif serta komitmen ke arah menerajui kecemerlangan MARA di persada dunia. Warganegara Malaysia yang memiliki ciri-ciri tersebut di atas adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	JADUAL GAJI	
PENOLONG JURUTERA	KEJURUTERAAN	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	JA29/30	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
				<b>1,549.00</b>	<b>5,701.00</b>

2. KELAYAKAN :

JAWATAN :

**PENOLONG  
JURUTERA**

BIDANG :

- i. Kejuruteraan Awam
- ii. Kejuruteraan Elektrik
- iii. Kejuruteraan Mekanikal  
(Pengahwa Dingin dan Automotif)

Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

Kelayakan :

- (a) (i). Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00);  
atau

- (ii). Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29;RM1,935.02),

dan

- (iii). Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **3. TARAF JAWATAN :**

- a. TETAP / KONTRAK

### **4. HAD UMUR PERLANTIKAN:**

- (i) Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan di tutup.
- (ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (iii) berumur kurang 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iv) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **5. SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### **6. CARA MEMOHON :**

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara **online** yang boleh dilayari melalui **laman web MARA** iaitu [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my). Tarikh permohonan dibuka **dari 21 Ogos 2017 hingga 11 September 2017**.

- ii. Permohonan yang mempunyai kelayakan Sijil / Diploma dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah membuat semakan pengiktirafan kelayakan melalui laman web Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu [:https://app.mohe.gov.my/iktiraf/index.php?pg=1](https://app.mohe.gov.my/iktiraf/index.php?pg=1) dan hendaklah mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa sesis temuduga.

## 7. KAEDAH PERLAKSANAAN

- i. Permohonan yang memenuhi dan menepati syarat lantikan skim sahaja akan diproses. Setiap permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria yang telah ditetapkan.
- ii. Permohonan yang berjaya sahaja akan melalui proses penilaian dan pemilihan (MARA Assessment Centre).
- iii. Calon-calon yang bersedia untuk ditempatkan berkhidmat di mana-mana Pusat Pentadbiran MARA sahaja akan dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan berkenaan.
- iv. Calon yang berjaya akan menerima pesanan ringkas sms dan perlu menyemak laman web MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui status permohonan yang berjaya.
- v. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘Membandarkan Luar Bandar’**



**RAZLAN BIN HJ SAMSURI**  
Pegawai  
Bahagian Sumber Manusia  
MARA

Keusahawanan  
& Pendidikan **Global**  
**“Amanah rakyat”**